

---

## **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003**

**Februari/Mac 2003**

### **EBS 215/3 – Kominusi dan Pensaizan**

**Masa : 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi TUJUH soalan.

Jawab LIMA soalan. Jika calon menjawab lebih daripada lima soalan hanya lima soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Mulakan jawapan anda untuk setiap soalan pada muka surat yang baru.

Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. [a] Lakar dan namakan 3 jenis penghancur rahang (*jaw crusher*).  
(6 markah)

[b] Apakah yang dimaksudkan dengan nisbah pengurangan saiz? Berikan contoh.  
(4 markah)

[c] Dua peringkat pengisaran (pengisaran peringkat pertama dan pengisaran peringkat sekunder) yang beroperasi di sebuah syarikat di Pahang adalah seperti dalam **Jadual S1**.

**JADUAL S1**

Kuantiti	F (mm)	P (mm)	Wi (loji)	Wi (ujian)
Pengisar bebola	23	0.6	14.05	13.08
Pengisar tiub	1.58	0.23	14.31	13.08

Gunakan formula Indeks Kerja Bond bagi menentukan kuasa yang diperlukan oleh motor alat pengisar bebola dan alat pengisar tiub. Kirakan kecekapan mekanik relatif bagi kedua-dua unit pengisar tersebut dan berikan komen anda terhadap keputusan tersebut.

(10 markah)

2. [a] Dengan bantuan gambarajah jelaskan maksud yang berikut :

- (i) Litar tertutup (*close circuit*)
- (ii) Litar terbuka (*open circuit*)
- (iii) Beban pusing balik (*circulating load*)

(10 markah)

[b] Sebanyak 2000 ton bijih kering sehari dikeluarkan oleh satu alat penghancur dan disuapkan kepada suatu litar tertutup pengisar bebola-hidrosiklon. Ketumpatan pulpa hasil pengisaran adalah 50%, ketumpatan pulpa aliran atas dan aliran bawah sebuah hidrosiklon adalah masing-masing 25% dan 70%. Nisbah pencairan hasil pengisaran ialah 0.78, aliran atas 2.30 dan aliran bawah 0.36. Kirakan nisbah beban pusing balik dan tanan beban pusing balik bagi litar tersebut.

(10 markah)

3. Keputusan analisa saiz suatu sampel bijih kasiterit adalah seperti yang ditunjukkan oleh **Jadual S3**. Daripada data yang diberikan, kirakan yang berikut :
- (i) taburan kasiterit (% Sn) dalam tiap-tiap pecahan  
(4 markah)
  - (ii) saiz atas bertokok (%)  
(4 markah)
  - (iii) taburan bertokok kasiterit (% Sn).  
(4 markah)
  - (iv) Plotkan graf taburan saiz atas bertokok dan tandakan  $d_{50}$ . Tentukan juga peratusan berat bertokok yang melepas saiz  $100 \mu\text{m}$ .  
(4 markah)
  - (v) Apakah cadangan anda jika alat pengkonsentratan yang akan digunakan untuk memproses bijih tersebut hanya beroperasi ke atas suapan yang mempunyai saiz partikel  $<100 \mu\text{m}$ ?  
(4 markah)

**JADUAL S3**

Saiz ( $\mu\text{m}$ )	Berat (%)	Cerakinan (% Sn)
+422	4.5	0.02
-422 +300	10.1	0.05
-300 +210	9.8	0.05
-210 +150	23.7	0.06
-150 +124	21.5	0.12
-124 +75	28.2	0.35
-75	2.2	2.50
	100.0	0.21

...5/-

4. [a] Apakah tujuan melakukan proses penskrinan?

(6 markah)

- [b] Suatu bijih di skrin berterusan di atas sebuah skrin bergetar untuk menghasilkan 32.4% saiz bawah. Semua data yang diperolehi direkodkan seperti dalam **Jadual S4**. Plotkan lengkuk sekatan untuk skrin (gunakan kertas geraf yang disediakan) dan tentukan;
- (i) saiz berkesan di mana pemisahan berlaku ( $d_{50}$ ).
  - (ii) ketidak sempurnaan I.

**JADUAL S4**

Pecahan saiz (mm)	% dalam suapan	% dalam saiz atas
-125 +31.55	16.9	25.0
-31.55 +8.0	38.9	56.7
-8.0 +4.0	16.4	14.8
-4.0 +2.0	11.5	1.9
-2.0 +0.5	11.3	1.0
-0.5	5.0	0.6
	100.0	100.0

(14 markah)

...6/-


5. [a] Nyatakan empat sebab yang memerlukan proses pengelasan. Berikan satu contoh industri yang menjadikan pengelasan sebagai alat pemprosesan yang utama.

(10 markah)

- [b] Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi proses pengelasan?

(10 markah)

6. [a] Berdasarkan **Gambarajah S6**,uraikan mekanisma pemecahan yang berlaku semasa proses kominusi.



**Gambarajah S6**

(10 markah)

...7/-

[b] Anda telah diberikan maklumat berikut oleh ahli geologi/mineralogi di syarikat tempat anda bekerja.

- Jasad bijih adalah dari jenis batuan keras
- partikel mineral berharga mempunyai saiz yang berbagai dan kebanyakannya adalah bersaiz sangat halus yang hanya boleh dibebaskan sepenuhnya pada saiz  $100 \mu\text{m}$ .
- Bijih yang bersaiz 5 cm perlu dihancurkan pada kadar 300 ton/jam.

Berdasarkan maklumat yang ringkas tersebut buatkan satu carta alir dengan menyatakan peralatan yang boleh digunakan untuk proses kominusi supaya bahan suapan kepada litar pemprosesan mineral seterusnya dapat disediakan.

(10 markah)

7. Tuliskan 4 nota ringkas daripada tajuk-tajuk yang berikut;

- (i) Pemprosesan kaolin di Malaysia (5 markah)
- (ii) Litar kominusi dalam industri kitar semula kaca (5 markah)
- (iii) Penghasilan aggregat di Malaysia (5 markah)
- (iv) Litar kominusi penghasilan simen di Malaysia (5 markah)
- (v) Prinsip kerja sebuah hidrosiklon (5 markah)